

TARIKH	27 /12/2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	21	RUANGAN	Dim Negeri



Ahli boleh keluarkan RM3,000 berkuat kuasa 1 Januari 2013

Akaun 2 KWSP biaya haji

Oleh **ROZIANAH RISMAN**

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 26 Dis. - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) membenarkan ahli-ahlinya mengeluarkan simpanan mereka sehingga RM3,000 daripada Akaun 2 bagi membiayai kos ibadat haji berkuat kuasa 1 Januari ini.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Operasi KWSP, Datuk Ibrahim Taib

(gambar) berkata, ahli yang layak membuat pengeluaran haji itu mestilah berusia kurang daripada 55 tahun dan menerima surat tawaran menunaikan haji daripada Tabung Haji.

"Bagaimanapun, ahli KWSP hanya

dibenarkan memohon pengeluaran ini sekali seumur hidup serta mereka yang tidak mempunyai simpanan mencukupi dengan Tabung Haji untuk membiayai kos asas haji.

"Untuk membuat permohonan pengeluaran haji, ahli yang layak perlu hadir di cawangan KWSP berhampiran dengan membawa kad pengenalan, surat tawaran dan buku akaun simpanan Tabung Haji yang baru dikemas kini," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut Ibrahim, ahli-ahli KWSP juga diingatkan mengemukakan permohonan di bawah skim Pengeluaran

Haji itu selewat-lewatnya tiga hari bekerja sebelum tarikh akhir menjawab pengesahan menunaikan haji.

"Ini bagi membolehkan KWSP memproses dan mengkreditkan wang ahli ke dalam akaun mereka.

"Wang itu nanti hanya boleh digunakan bagi tujuan mengerjakan ibadat haji," katanya.

Beliau menambah, maklumat lanjut berkenaan skim baharu itu boleh didapati di laman web myEPF di www.kwsp.gov.my atau menghubungi Pusat Panggilan KWSP di talian 03-89226000.

